

# Wilayah Persekutuan perlu serlah nilai positif

BH- 2/2/2007

## PM mahu penduduk lebih berbudi bahasa pertingkatkan imej

Oleh Azman Zakaria  
dan Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sentiasa mengetengahkan nilai positif dalam menjayakan hasrat membangunkan tiga Wilayah Persekutuan terbabit mencapai kecemerlangan.

Perdana Menteri berkata, tanpa warga yang dinamik dan cergas, ketiga-tiga Wilayah Persekutuan itu yang indah dengan bangunan tinggi dan infrastruktur serba moden, akan menjadi bandar yang lembap.

Katanya, Kuala Lumpur dikenali sebagai ibu kota dengan kehebatan infrastruktur, kebersihan dan kerancakan pembangunan, Putrajaya pula sebagai pusat pentadbiran yang indah, manakala Labuan semakin berkembang sebagai pusat kewangan antarabangsa.

"Begitupun kita perlu mengakui ketiga-tiganya akan hanya masyhur di peringkat antarabangsa jika warganya memberi roh dan menghidupkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan aktiviti yang menonjolkan kemesraan, keceriaan dan budi bahasa.

"Ini akan menjadikan Wilayah Persekutuan mudah dikenali pengunjung termasuk pelancong asing.

"Semua warganya mesti menonjolkan kecekapan dalam melaksanakan tugas, ceria dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2007 di ibu negara, semalam.

Turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique; timbalannya, Datuk Wira Abu Seman Yusop; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Ha-



**AKSI BERANI:** Anggota Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menampikan kecekapan mengawal motosikal ketika perbarisan pada sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2007 di Dataran Merdeka di Kuala Lumpur, semalam.

kim Borhan; Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman; dan Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.

Tema sambutan tahun ini ialah 'Maju dan Sejahtera'. Kira-kira 7,000 peserta membabitkan pelajar; badan kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai perarakan.

Perdana Menteri juga mahu setiap warga Wilayah Persekutuan menyirikan lagi keindahan bandar dengan kebersihan supaya mereka dapat hidup selesa dan menarik kedatangan lebih ramai pelancong.

"Kebersihan bandar amat penting... kalau yang ada hanya bangu-

**“** Semua warga mesti menonjolkan kecekapan dalam melaksanakan tugas, ceria dan sentiasa menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

nan tinggi, jambatan lebar dan luas tetapi kotor dengan sampah sarap, ia tidak akan indah. Jika bandar itu bersih dan kemas, ia akan mengindahkannya lagi bandar raya," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak terutama pemilik bangunan, khususnya yang lama sentiasa menjaga kebersihan agar ia sentiasa dipandang indah dan menarik.

Katanya, harapan itu juga diletakkan kepada warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk turut menjayakan pembangunan yang dirancang dengan memastikan kawasan kampung yang terletak dalam wilayah itu juga bersih.